

EK

ECONEWS

IT PATUT DIGUNAKAN SECARA KREATIF, KATA PM

KUALA LUMPUR, 7 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Teknologi Maklumat (IT) tidak seharusnya hanya digunakan seluas mungkin tetapi juga secara kreatif bagi meraih keuntungan yang maksimum.

Oleh itu, katanya ia adalah alat pengurusan yang penting memandangkan ia boleh menghasilkan keluaran dan perkhidmatan yang berkualiti di samping meningkatkan kemampuan membuat keputusan.

Manfaatnya terletak di dalam potensi sumbangannya kepada empat bidang teknologi utama terdiri daripada elektronik, teknologi pembuatan berautomasi, bio-teknologi dan perkembangan bahan moden.

Ulasan Perdana Menteri itu terkandung di dalam perutusan alu-aluan Pameran Komputer Antarabangsa terbesar Malaysia akan datang +ITX '92,+ yang akan diadakan di sini mulai 19 hingga 22 Nov.

Memandangkan lebih banyak badan di Malaysia menggunakan IT, Dr Mahathir berkata langkah itu akan membantu membangunkan industri komputer di negara ini.

Katanya beliau berharap industri IT tempatan akan terus mempertingkatkan mutu keluaran-keluaran dan perkhidmatannya dan juga memperkukuhkan rantai antara syarikat-syarikat IT tempatan dan antarabangsa.

Penganjurnya, Persatuan Industri Komputer Malaysia (PIKOM), berkata di dalam kenyataan berasingan bahawa sesetengah keluaran akan membolehkan syarikat-syarikat dan individu meningkatkan operasi perniagaan mereka.

Ia juga akan membantu mereka menajamkan kelebihan daya saing di dalam mempertingkatkan mutu perusahaan mereka dan membawa IT lebih dekat kepada pertubuhan mereka di pusat pengeluaran, kata persatuan itu. -- Bernama